

Pekerja bank ded rahsia pelanggan:

BH 17 MAR 2000

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman

JITRA, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, ada kakitangan bank tertentu mendedahkan urusan niaga individu dan agensi kerajaan untuk membukarkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, beberapa pekerja dua bank membuat salinan cek kerajaan negeri Melaka dan mempamerkannya dalam Internet seolah-olah kerajaan berbuat kesalahan.

“Kita tahu urusan orang tertentu dengan bank didedahkan kepada orang ramai oleh mereka. Saya tahu ada di suatu tempat, dokumen tertentu yang dihantar ke bank telah diedarkan...dulu masa tiada Internet.

“Ia diedarkan bagi menunjukkan kerajaan melakukan sesuatu yang buruk,” katanya sambil menambah, selain Melaka kegiatan berkenaan juga dikesan di Kuala Lumpur.

Dr Mahathir memberitahu pemberita demikian di rumah terbuka Aidiladanya, di Dewan Jitra, di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai langkah kerajaan Melaka mengeluarkan simpanan tetap daripada dua bank perniagaan berikutan beberapa pekerjaanya menyokong parti pembangkang.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, memberitahu pemberita di Melaka hari ini, kerajaan negeri memutuskan untuk mengeluarkan RM 10 juta daripada wang simpanan tetap milik sebuah agensinya dalam sebuah bank tempatan kerana tidak bertindak terhadap kakitangan yang menyokong pembangkang secara terbuka.

Tindakan itu akan dibuat sebaik saja simpanan itu mencapai tempoh **matang**. Kerajaan negeri juga bercadang mengeluarkan kira-kira RM40 juta lagi daripada akaun simpanan tetapnya daripada beberapa bank lain yang gagal mengambil tindakan disiplin terhadap kakitangannya.

Perdana Menteri berkata, tindakan mengikut undang-undang terpaksa diambil ke atas pekerja bank terbabit, jika mereka didapati membocorkan rahsia kerajaan.

Bagaimanapun, sukar untuk mengambil tindakan terhadap bank terbabit.

“Apa yang boleh kerajaan lakukan ialah dengan tidak berurusan dengan bank berkenaan,” katanya membayangkan Kerajaan Pusat mungkin mengikuti langkah kerajaan negeri Melaka itu.

Dr Mahathir berkata, beliau sedar pekerja sesetengah bank adalah penyokong kuat

LIHAT MUKA 2